

July 2018



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

76th ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1578



9 772232 157005

KEJOHANAN LIGA SUKAN UNTUK SEMUA (LISUS) 2018 PERINGKAT NEGERI SARAWAK

Oleh: Fakulti Sains Sukan & Rekreasi, UiTM Cawangan Sarawak
Theresa Ahing, Nur Khairunisa Bte Hj Abu Talip



76th ISSUE
info kampus

25

Kejohanan Liga Sukan Untuk Semua (LiSUS) 2018 Peringkat Negeri Sarawak adalah merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Sarawak yang telah berlangsung pada 27-29 April 2018 dan dirasmikan oleh Menteri Muda Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sarawak, YB Datuk Lee Kim Shin bertempat di IKBN Miri, Sarawak.

Seramai 565 orang peserta dari 12 bahagian turut serta dalam 4 acara yang dipertandingkan iaitu bola sepak 9 sebelah, futsal lelaki dan wanita, sepak takraw dan bola jaring.

Program ini merupakan alternatif JBS untuk menggalakkan penyertaan dan penglibatan orang awam untuk menyertai sukan tanpa had umur.

Pasukan futsal wanita UiTM Sarawak yang juga merupakan wakil bahagian Samarahan telah dinobatkan sebagai juara kategori terbuka wanita setelah menewaskan juara 2 tahun berturut-turut iaitu pasukan Miri A (pada peringkat separuh akhir dengan jaringan 2-1) serta pasukan F10 (bahagian Bintulu) dalam penentuan penalti pada peringkat Akhir. Sepakan Euphrasia Anne Cralis, pelajar fakulti Sains Sukan Dan Rekreasi telah menidakkan peluang pasukan F10 untuk menjulang piala kejohanan.

Dengan kemenangan ini, pasukan futsal wanita UiTM Sarawak secara automatiknya akan mewakili negeri Sarawak ke kejohanan peringkat kebangsaan di Putrajaya dan akan berentap bersama pasukan-pasukan yang mewakili negeri masing-masing pada tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Semoga dengan usaha yang gigih serta sokongan doa dari semua pihak akan mengiringi pasukan ini nanti dalam mengharumkan nama UiTM Sarawak, khususnya dan negeri Sarawak umumnya.



VIETNAM MILITARY MUSEUM

Muzium Ketenteraan Vietnam ditubuhkan pada 17 Julai 1956, adalah salah satu daripada tujuh muzium kebangsaan di Vietnam. Ia meliputi 12,800 m² la terletak di tengah-tengah bandar Hanoi, bertentangan dengan Taman Lenin dan berhampiran Chi Minh Mausoleum Ho. The Flag Tower of Hanoi terletak di dalam kawasan muzium.



QUAN SU PAGODA

Quan Su Pagoda telah dibina pada abad ke-15 di bawah Dinasti Lê. Pada masa itu tidak ada kuil Buddha di sini tetapi beberapa pondok yang digunakan sebagai tempat ibadat. Pada tahun 1822, kuil telah diubahsuai supaya penduduk tempatan boleh beribadah di sini.



VAN PHUC SILK VILLAGE

Van Phuc Silk Village terletak di tebing Nhue River, kira-kira 10 kilometer barat daya Hanoi Old Quarter, Van Phuc Silk Village terkenal dengan tenunan tradisional dan produk sutera berkualiti premium. Pada usia lebih daripada 1,200 tahun, Van Phuc berbangga menjadi kampung sutera yang dapat menyediakan sutera yang terbaik di Vietnam.




HA LONG BAY

Ha Long Bay adalah sebuah Tapak Warisan Dunia UNESCO dan destinasi pelancongan yang popular di Quảng Ninh Province, Vietnam. Ha Long Bay mempunyai keluasan sekitar 1,553 km² termasuk 1,960-2,000 pulau kecil, yang kebanyakannya adalah batu kapur. Teras teluk mempunyai keluasan 334 km² dengan kepadatan yang tinggi iaitu sebanyak 775 pulau kecil.



LAKE OF THE RETURNED SWORD

Tasik Hoan Kiem juga dikenali sebagai "Lake of the Returned Sword", sebuah tasik di pusat bersejarah Hanoi, ibu negara Vietnam. Tasik ini menjadi tarikan pelancong kerana keindahan suasana pada waktu malam serta sejarah yang mewarnai keunikan tasik ini. Sejarah mengisahkan bahawa, spesies penyu berkulit lembut, iaitu *Rafetus swinhoei* atau spesies yang berbeza dinamakan *Rafetus leloi*, yang dijadikan sebagai penghormatan kepada maharaja suatu ketika dahulu seringkali dilihat di tasik ini, maka tasik ini dijadikan khazanah alam yang dijaga rapi berikutan lamanya dan merupakan salah satu kebanggaan masyarakat tempatan.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications and International Relations Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110
E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**